

Persepsi Pengundi Terhadap Isu Politik Di Kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang

Voter Perception of Political Issues in the Area of State Legislative Assembly of Muadzam Shah, Rompin, Pahang

Nor Najihah Zafari
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

e-mail koresponden: ljab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Persepsi pengundi dilihat banyak mempengaruhi undian mereka dalam membuat keputusan untuk memilih calon pilihan raya mereka. Masyarakat kini lebih memilih untuk mengundi berdasarkan pandangan dan kepercayaan mereka terhadap calon tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan kepada soalselidik, temu bual, pemerhatian lapangan, kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Teknik menganalisis data kajian ini menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa hanya 38% sahaja pengundi yang mengambil tahu isu politik di kawasan mereka. Pengaruh media telah mengubah persepsi pengundi mengenai politik serta mempengaruhi pengetahuan dan meningkatkan kecenderungan untuk mereka keluar mengundi. Hasil kajian juga mendapati media 38% dan sistem pendidikan 36% merupakan faktor yang paling mempengaruhi persepsi mereka mengenai isu politik. Dapat dilihat hampir 80% telah memberi kesan kepada persepsi pengundi terhadap sokongan kepada parti politik yang mereka pilih. Faktor paling utama yang paling mempengaruhi pengundi membuat pilihan untuk mengundi adalah calon iaitu sebanyak 31%. Oleh itu, dapat dilihat persepsi sesebuah parti pilihan raya memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi pengundi. Kesimpulannya, kepentingan kajian ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta dapat dijadikan sebagai panduan serta rujukan kepada pihak berkaitan.

Kata kunci: *Persepsi, pengetahuan dan pemahaman politik, pilihan politik, pengundi, parti politik*

ABSTRACT

Voters' perceptions are seen to greatly influence their votes in making the decision to choose their election candidate. The public now prefers to vote based on their views and beliefs towards the candidate. Therefore, the purpose of this study is to analyze voters' perceptions of political issues in the Muadzam Shah state legislative assembly constituency, Rompin, Pahang. This study uses data collection methods based on questionnaires, interviews, field observations, library research and online research. Techniques to analyse data using Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The results of the study found that only 38% of voters were aware of political issues in their constituency. The influence of the media has changed voters' perceptions of politics as well as influenced knowledge and increased the propensity for them to go out to vote. The results of the study also found that 38% media and 36% education system were the factors that most influenced their perceptions of political issues. It can be seen that almost 80% have affected voters' perceptions of support for their chosen political party. The most important factor influencing voters to choose to vote

is the candidate which is 31%. Therefore, it can be seen that the perception of an electoral party plays a big role in influencing voters. In conclusion, the importance of this study can increase knowledge and can be used as a guide and reference to relevant parties.

Keywords: Perception, political knowledge and understanding, political choice, voters, political party

1. Pengenalan

Persepsi merupakan proses yang mana seseorang individu memilih, menerima, mengorganisasi dan menginterpretasikan maklumat daripada persekitarannya. Persepsi adalah kepelbagaian dan sukar untuk ditangani jika ia tidak diurus dengan baik (Junaidi et al. 2012). Persepsi pengundi dilihat banyak mempengaruhi mereka ketika membuat keputusan untuk memilih calon pilihan raya mereka. Malah lambang parti tidak lagi dilihat sebagai faktor utama untuk memilih calon tetapi kredibiliti seseorang calon itu yang sangat dititikberatkan para pengundi. Dalam pilihan raya Malaysia, pengundi terbahagi kepada beberapa jenis pengundi iaitu pengundi awal, pengundi pos dan pengundi tidak hadir. Pengundi merujuk kepada individu yang melakukan undian dengan memilih satu parti politik seperti melakukan tanda pangkah diatas kertas undi. Hasil undian parti politik yang memperoleh undian paling tinggi akan menjadi pentadbir kerajaan. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji persepsi pengundi terhadap isu politik dengan menjadikan kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang sebagai kawasan kajian kes.

2. Tinjauan Literatur

Sorotan literatur merupakan ulasan yang dilakukan daripada bahan ilmiah utama yang dikumpulkan daripada artikel jurnal, tesis, buku, kertas prosiding atau penerbitan yang dilakukan berkaitan dengan penulisan kajian. Ulasan ini ditapis bagi mendapatkan permasalahan kajian yang akan dikaitkan dalam susunan penulisan ilmiah. Ulasan ini bertujuan untuk menyokong penulisan kajian serta mengenalpasti lompong berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antara subtopik yang terkandung dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada kajian politik pilihan raya di luar negara, dalam negara dan di negeri Pahang.

Bagi kajian politik pilihan raya luar negara, kajian Kazimierz & Goldie (2012), bertajuk "*Perceptions of political party corruption and voting behaviour in Poland*", penentuan persepsi terhadap korupsi parti politik sangat penting bagi pilihan pengundi, mereka mencadangkan model pilihan parti iaitu mereka menganggarkan pengaruh persepsi rasuah setiap parti, tanpa pemboleh ubah lain, terhadap niat memilih. Mereka memberi tumpuan kepada Poland dan menggunakan data dari tinjauan Panel Poland, POLPAN, 1988-2008. Kajian menunjukkan bahawa persepsi terhadap korupsi parti politik berpengaruh terhadap keputusan untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya, pada niat untuk memilih parti tertentu dan pada pilihan suara tanpa mengira parti mana yang dipilih. Penilaian mengenai penyelewengan parti penting walaupun penentu suara lain dipertimbangkan.

Selain itu, kajian politik pilihan raya dalam negara oleh Mohd Fuad & Junaidi (2017) dalam artikel yang bertajuk "Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" mendapati bahawa kalangan belia menyokong hasrat kerajaan dalam memperkukuhkan agenda pembangunan belia negara dan 71.0 peratus menyatakan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Dari aspek governans pula, 70.7 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan

dan dasar/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam memantapkan pembangunan negara terus mendapat sokongan belia (70.9 peratus). Parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang ialah BN (54.7 peratus) dan PKR (30.3 peratus) manakala selebihnya adalah tidak pasti.

Seterusnya, kajian politik di negeri Pahang oleh Muhamad Nadzri (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Realiti Politik Pilihan Raya di Pahang dalam PRU-14” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa pertandingan tiga penjurong di Pahang telah memecahkan undi etnik Melayu secara majoritinya kepada BN dan PAS dan sebahagian kecilnya menyokong PH. Pengundi Melayu di Pahang lebih cenderung menyokong BN/UMNO kerana identifikasi politiknya yang tinggi di samping parti tersebut telah lama serta berpengalaman memerintah negeri ini dan lebih dikenali berbanding PAS sementara lagi PH yang masih baharu dalam persada politik Pahang. Bagi pengundi Melayu yang beralih undi daripada BN/UMNO, mereka lebih yakin kepada PAS kerana pemimpinnya masih merupakan dalam kalangan orang Melayu-Islam. PH pula mendapat sokongan daripada pengundi Cina dan Melayu di kawasan bandar dan separa bandar. Bersesuaian dengan demografinya yang majoriti Melayu luar bandar dan sebagai peneroka FELDA yang dibantu Kerajaan BN sejak sekian lama dan keadaan atau keluasan geografi Pahang yang majoritinya masih luar bandar maka BN terus menjadi pilihan utama pengundi di negeri ini.

3. Metodologi Kajian dan Kawasan Kajian

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan menerusi edaran soal selidik, temu bual dan pemerhatian lapangan. Bagi mendapatkan maklumat daripada 50 orang responden, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 36 orang responden di kawasan bandar iaitu Daerah Mengundi Muadzam Shah dan 14 orang responden di luar bandar iaitu Daerah Mengundi Bukit Ridan. Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik berkenaan adalah berbentuk terbuka dan tertutup.

Selain itu, kaedah temu bual dilakukan bagi memperoleh maklumat balas daripada setiap informan mengenai kajian yang dijalankan. Bentuk soalan temu bual yang disediakan adalah berbentuk terbuka serta memerlukan pendapat daripada informan. Pemilihan informan ini berdasarkan penglibatan aktif informan dalam politik di DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. Menerusi temu bual ini pengkaji telah menemu bual tiga orang informan dari parti yang berbeza iaitu daripada Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang mana setiap lokasi temu bual adalah berbeza seperti di kediaman informan dan pusat khidmat masyarakat.

Seterusnya, kaedah pemerhatian di lapangan merupakan teknik penyelidikan yang paling banyak digunakan oleh para pengkaji. Pemerhatian lapangan yang digunakan adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian temu bual. Melalui kaedah pemerhatian ini penyelidik dapat memerhati dan meneliti tingkah laku responden serta mendengar penerangan daripada pihak responden. Maklumat dapat diterima dengan memerhatikan, mengunjungi dan melihat tempat, masyarakat, peristiwa atau perkara yang berkaitan dengan kajian atau penyelidikan. Pemerhatian yang dilakukan adalah berdasarkan persepsi, kepercayaan dan kefahaman politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian.

Di samping itu, pengumpulan data sekunder boleh didapati daripada sumber bertulis dan sumber yang sedia ada daripada terbitan kerajaan ataupun agensi tertentu. Terdapat dua

kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data sekunder menerusi kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Perpustakaan merupakan tempat paling utama bagi memperoleh data dan maklumat daripada buku, majalah, jurnal, kertas seminar, laporan bulanan dan tahunan kerajaan yang telah disediakan. Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSLS) merupakan pustaka yang sering dikunjungi oleh pengkaji dan akhbar yang menjadi rujukan antaranya ialah Sinar Harian Utusan Malaysia, Kosmo dan Berita Harian. Bahan bacaan dapat membantu dalam meningkatkan lagi kefahaman pengkaji terhadap kajian yang dibuat dengan menggunakan penulisan pakar dalam bidang yang sama sebagai rujukan. Pembacaan ilmiah melibatkan buku, jurnal, artikel, keratan akhbar, tesis, kertas kerja, kertas seminar dan sebagainya.

Pengkaji mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian politik yang dilakukan. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar online, blog, aplikasi Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Youtube dan lain-lain. Pengkaji juga membuat pembacaan dan rujukan daripada bahan bacaan secara atas talian seperti Google Scholar, Academia, *e-Journal*, *Geografia Online* dan sebagainya.

3.2 Analisis Data

Dalam proses menganalisis data, pengkaji telah menggunakan kaedah statistik untuk menganalisis data daripada soal selidik yang telah dikumpul di lapangan. Kaedah menganalisis data yang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini ialah melalui penggunaan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Penggunaan SPSS ini akan memudahkan pengkaji untuk menganalisis data kerana dapat digunakan dengan cepat dan menghasilkan graf serta carta berdasarkan data yang telah disusun dalam bentuk jadual. Statistik dikenali sebagai perangkaan yang melibatkan pengumpulan, pengurusan, analisis dan persembahkan data dalam bentuk visual seperti graf dan carta. Penggunaan statistik ini adalah untuk menghasilkan data yang terbaik dan dapat mengukuhkan penulisan pengkaji. Apabila data telah selesai diperolehi daripada responden, pengkaji akan menganalisis data tersebut dalam bentuk nilai yang telah dikumpulkan daripada data yang diisi oleh responden.


3.3 Kawasan Kajian: DUN Muadzam Shah

Bandar Muadzam Shah merupakan sebuah bandar yang dikenali sebagai pekan kecil. Bandar Muadzam Shah terletak di daerah Rompin, Pahang. Bandar Muadzam Shah ini juga terletak kira-kira 100 km dari Kuantan, ibu negeri Pahang. Kebanyakan kawasan perumahan di Muadzam Shah adalah bertopografi rata. Muadzam Shah adalah antara 36 bandar yang dipilih untuk dibangunkan di bawah pentadbiran Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan setelah 25 tahun. Muadzam Shah kini telah diletakkan di bawah pentadbiran pemerintah tempatan yang merupakan Daerah Rompin sejak DARA dibubarkan. Bandar ini berkeluasan 1,310.51 hektar daripada keseluruhan 134,075 hektar kawasan Muadzam Shah. Pecahan guna tanah utama di Bandar Muadzam Shah adalah guna tanah bagi tanah lapang dan rekreasi iaitu sebanyak 363.16 hektar.

Kawasan Muadzam Shah melibatkan guna tanah untuk perumahan, perniagaan, industri, institusi, kemudahan masyarakat, tanah lapang dan rekreasi, pertanian, hutan, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti serta belukar, tanah kosong dan tanah terbiar. Mengikut sejarah dahulu, kawasan Bandar Muadzam Shah hanyalah hutan rimba sahaja. Kemudian peneroka awal mula merancang untuk membangunkan Muadzam Shah agar menjadi sebuah

bandar yang terancang. Kini, Muadzam Shah mula membangun dan pelbagai kemudahan disediakan dengan lengkap. Hospital Muadzam Shah menjadi bukti kemodenan Muadzam Shah yang semakin meningkat dari masa ke semasa.

Kawasan DUN Muadzam Shah mempunyai 10 Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). Menurut SPR (2018), pada PRU-14, 2018, kawasan DUN Muadzam Shah kini diwakili oleh YB Razali Kassim dari BN/UMNO yang memperoleh 9,081 undi menewaskan Ramli Awang Ahmat dari PAS dengan 4,241 undi dan Cikgu Osman Bakar dari PH/PPBM dengan 2,781 undi. Calon BN/UMNO tersebut menang dengan majoriti 4,840 undi. Pemilihan kawasan kajian di DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang adalah kerana pembangunan serta sosioekonomi yang semakin berubah kearah kemajuan yang lebih baik berbanding pada masa yang lalu dengan politik yang unik di kawasan ini. Misalnya, banyak pembangunan infrastruktur seperti perumahan, pusat kemudahan membeli-belah yang telah dibangunkan bagi memudahkan penduduk di kawasan ini.



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Parlimen Rompin, SPR 2018

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan Persepsi Pengundi Terhadap Isu Politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. Objektif berkenaan penting bagi mengkaji tahap pengetahuan, kepercayaan dan kefahaman responden terhadap isu politik, faktor yang mempengaruhi persepsi pengundi terhadap isu politik dan kesan persepsi pengundi terhadap sokongan kepada parti politik.

4.1 *Ambil Tahu Terhadap Isu Politik*

Isu politik sering dijadikan bualan oleh setiap masyarakat. Namun begitu, ramai masyarakat terutamanya golongan belia kurang mengambil tahu isu politik yang berlaku di kawasan mereka. Hari ini, kehidupan masyarakat berdepan dengan pelbagai cabaran dan permasalahan sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Apabila berbicara berkenaan pilihan raya, golongan belia terutamanya golongan mahasiswa universiti semestinya kurang mengambil tahu dalam mengikuti tidak disisihkan. Hak dan tanggungjawab mengundi apabila genap usia 21 tahun, semestinya mahasiswa tidak terkecuali. Pasti mahasiswa yang kebanyakannya pengundi kali pertama berdepan pengalaman berbeza. Bagaimanapun, kesedaran dalam kalangan golongan belia keluar mengundi atau mendaftarkan sebagai pemilih dikatakan masih terlalu rendah di negara ini (Hmetro 2018). Hal ini disebabkan kurang kesedaran dalam menerapkan ilmu politik pada diri mereka.

Berdasarkan kepada analisis kajian mendapati hanya 38 peratus responden sahaja yang mengambil tahu dan tidak pasti terhadap isu politik yang berlaku di kawasan mereka. Terdapat responden yang menyatakan bahawa isu politik perlu diambil tahu dan memahami politik supaya kuasa politik tidak terlepas ke tangan parti dan pemimpin yang tidak sepatutnya menerajui negara. Ramai dalam kalangan orang Islam tidak mengambil tahu hal politik dan menganggap siapa sahaja memerintah negara adalah sama, manakala 24 peratus responden tidak mengambil tahu langsung mengenai isu politik di kawasan mereka. Kurang minat rakyat untuk ambil tahu atau terlibat dengan politik negara merupakan cabaran dan ujian kepada pemimpin politik yang akan bertanding pada Pilihan Raya Umum nanti.

Justeru, mereka perlu mengambil peluang dan masa yang ada untuk memenuhi janji-janji yang diberikan pada pilihan raya lalu, selain menyekat fenomena wakil rakyat lompat parti melalui penggabungan Akta Antilompat Parti. Perkara ini merupakan cabaran atau ujian kepada pemimpin politik yang akan bertanding PRU pada masa akan datang. Yang paling penting, harus penuhi janji pada pilihan raya lalu dan laksanakan Akta Antilompat Parti yang akan beri keyakinan kepada pengundi untuk menyekat fenomena itu daripada berlaku (Astroawani 2022). Dalam masa sama, pemimpin parti perlu menggerakkan jentera mereka bagi mendekati pengundi 18 tahun dan berusaha menarik minat mereka terhadap politik negara.

Berdasarkan temu bual dengan Encik Azmi Osman (Bekas Ahli Jawatan Kuasa PAS Rompin, Setiausaha PAS Cawangan Bukit Ibam Muadzam Shah, Pahang), beliau menyatakan bahawa:

“Sebagai rakyat Malaysia, saya alert tentang politik setempat dan termasuk isu umum, Malaysia perlu ambil tahu semua perkara sebab benda ini sebagai keputusan untuk generasi akan datang. Sebagai ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih belajar yang sudah bekerja, saya perlu menerangkan kepada mereka tentang keperluan politik supaya benda itu menjadi minat kepada mereka untuk ambil tahu untuk cakna dalam ilmu politik. Politik yang sebenar bukannya semata-mata orang kata kita mahu menjaga komuniti kampung atau tentang bencana alam ke atau kesihatan warga-warga setempat. Politik ini sebenarnya dalam Islam diajar politik yang dipanggil siasah. Dalam Islam lebih besar lebih global, termasuk kerja yang dibuat ibaratnya politik itu macam ibadah. Sebagai orang muslim kita mestilah

ikut panduan kita, Al-Quran, Hadis barulah kita dapat buat politik yang sempurna untuk orang Islam. Jadi apabila kita lebih cenderung kepada politik contohnya kita panggil liberal, sekular, sosialis. Ini semua politik yang dicipta oleh orang Barat. Jadi sebagai bangsa Melayu yang majoritinya orang Islam perlu mendapatkan politik siasah Islam itu. Daulat islamiah untuk negara kita sebenarnya perlu meletakkan politik itu seiring dengan ibadat dengan hukum syarak supaya politik itu biar sama dengan hukum syarak.

(Encik Azmi Osman, 21 Mac 2022)

4.2 *Isu Politik yang Selalu Dibincangkan di Kawasan Kajian*

Di Malaysia, isu yang sering dibincangkan oleh masyarakat ialah ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Isu disampaikan melalui kempen sama ada melalui media cetak, elektronik mahupun secara langsung seperti ceramah dan kempen. Kempen adalah penting dalam setiap pilihan raya bagi menyampaikan mesej supaya pengundi dapat melihat sendiri melalui media atau pun secara terus dan mewujudkan kepercayaan kepada pengundi (Ranney 1993). Isi kempen yang hendak disampaikan dikawal oleh calon atau parti politik dan dihebahkan supaya mereka dinilai sebaik mungkin. Di Malaysia dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat mempercayai hanya parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan (Ahmad Atory 2010). Ini bermakna kempen calon pembangkang tidak boleh membawa perubahan di sesuatu kawasan. Kebiasaannya isu atau kempen lebih terpusat dengan isu semasa dan ia tidak dilihat sebagai penting sekiranya pilihan raya umum masih lama lagi.

Jadual 1 menunjukkan isu yang paling tinggi dibincangkan adalah isu kepimpinan. Kepimpinan politik negara adalah berkaitan dengan aspek kredibiliti karakter pemimpin, idealisme perjuangan, gaya kepemimpinan politik dan kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik. Isu kepimpinan sering terjadi kepada pemimpin UMNO apabila menjelang musim PRU. Dalam pilihan raya kecil Lunas, Kedah pada tahun 2000, isu yang dibangkitkan semasa berkempen antaranya ialah penyelewengan, rasuah, kronisme, krisis keyakinan terhadap pemerintah, pembangunan masyarakat setempat, ekonomi dan sekolah wawasan (Ghazali & Mohd Rizal 2000). Di Malaysia pada tahun 2019, satu soal selidik telah dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai isu rasuah dan salah guna kuasa di negara ini dan keputusan dari soal selidik tersebut menunjukkan bahawa jenayah ekonomi dalam negara ini berada pada tahap membimbangkan (Bharian. 2019).

JADUAL 1: Isu yang selalu dibincangkan oleh penduduk

	ISU	(%)
1.	Isu Kepimpinan	62
2.	Isu Rasuah	50
3.	Isu Dato' Seri Najib	30
4.	Isu Lompat Parti	26
5.	Isu Dalaman UMNO	22
6.	Isu pilihan raya DUN Sabah	20
7.	Isu PRU 15	20
8.	Isu peralihan Kerajaan PN ke Kerajaan BN+PN	14
9.	Isu Dalaman PAS	12
10.	Isu Perikatan Nasional	12
11.	Isu Muafakat Nasional	10
12.	Isu Kepimpinan Negeri	10

13. Isu PH	8
14. Isu Dato' Seri Anwar Ibrahim	8
15. Isu kepemimpinan setempat/kampung	6
16. Isu Tan Sri Muhyiddin Yassin	4

Sumber: Soal selidik 2022

Di samping itu, isu yang hangat dibincangkan oleh rakyat adalah isu Dato' Seri Najib mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Keputusan PRU yang ke-14 yang lepas menyaksikan Pakatan Harapan telah membentuk sebuah kerajaan untuk memerintah Malaysia. Sebelum ini, isu yang besar kurang diberikan perhatian dan ulasan daripada pihak media misalnya yang isu melibatkan kepimpinan pentadbiran kerajaan terdahulu, tetapi kini isu berkaitan syarikat 1 Malaysia Development Bhd (1MDB) merupakan isu yang hangat dibincangkan selepas kejatuhan kerajaan Barisan Nasional. Rakyat juga tertunggu-tunggu berita daripada kerajaan baru ini mengenai isu 1MDB. Akhbar sekali lagi dilihat memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan isu-isu seperti ini kepada rakyat Malaysia (Nurerna Aida & Hasmidar Hassan 2015).

Selain itu, menurut Sinar Harian (2022), Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mendesak supaya pembentangan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti tidak ditangguhkan lagi dan perlu disegerakan. UMNO adalah parti paling terkesan apabila terdapat ahli Parlimennya yang melompat parti selepas Barisan Nasional (BN) tewas pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu. Dilaporkan dalam media bahawa kerajaan tidak akan meneruskan rancangan untuk membentangi dan meluluskan RUU pindaan perlembagaan yang bertujuan untuk menghalang ahli Parlimen daripada lompat parti.

4.3 Persepsi Responden Terhadap Isu Politik di Kawasan Responden

Persepsi merupakan sesuatu proses individu mentafsir kedediaan rangsangan dan memberi makna kepadanya. Ia juga adalah kesedaran dan reaksi seseorang individu merupakan pola-pola yang bermakna. Sebenarnya ia tidak berlaku secara automatik tetapi mengambil masa yang lama, iaitu melalui pentafsiran dan pemahaman yang teratur (Mohd Salleh 1995). Berdasarkan kepada analisis kajian mendapati hanya 48 peratus berpandangan positif/bersangka baik terhadap isu politik di kawasan mereka.

Beberapa responden menyatakan di kawasan DUN Muadzam Shah yang dipimpin oleh pemimpin BN menunjukkan dapat memberi kemakmuran dan keharmonian di kawasan ini. Tiada siapa boleh menafikan kemajuan dan kemakmuran luar biasa yang dikecapi di negara ini dicapai dalam tempoh pemerintahan BN. Parti komponen BN mengamalkan demokrasi dalam parti dan negara. BN juga berpegang kepada kerjasama antara kaum dan perkongsian kuasa. BN mesra perniagaan tanpa meminggirkan kepentingan anggota masyarakat yang lain. Ia tetap terbuka kepada inovasi dan idea baru serta mengambil kira pandangan yang dilontar rakyat sekali gus membawa kepada perubahan dan transformasi (Sinar Harian 2019a). Oleh itu, responden beranggapan baik terhadap kepimpinan di kawasan mereka mampu memberi perubahan yang baru dari masa ke semasa.

Seterusnya 36 peratus responden tidak pasti persepsi mereka terhadap isu politik. Ini kerana mereka tidak mengambil berat langsung apa yang berlaku di sekitar kawasan mereka. Dalam kajian yang dilakukan terdapat responden yang menyatakan mereka cuma mengambil tahu dan ambil berat isu politik semasa pilihan raya dijalankan. Mereka menganggap politik ini sekadar pertandingan menang dan kalah antara BN, PAS, PH dan lain-lain untuk menang dalam pilihan raya.

Hal ini kerana terdapat segelintir masyarakat yang sering tersalah tafsir makna politik iaitu dengan beranggapan bahawa politik adalah satu pembohongan yang membolehkan seseorang itu memperoleh apa yang diinginkan. Setiap perkataan dianggap sebagai

pembohongan dan setiap tindakan dianggap hanya untuk meraih sokongan biarpun apa yang dilakukan adalah semata-mata bagi memenuhi amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Bagaimanapun bukan semua yang terlibat dengan politik adalah sebagaimana yang diandaikan kerana masih ramai mereka yang berjuang demi agama, bangsa dan negara. Mereka meletakkan kepentingan peribadi sebagai sampingan, manakala kepentingan ummah sebagai yang utama. Ia mungkin digambarkan dengan cara hidup yang bersederhana, kekampungan dan mesra rakyat atau mungkin juga mereka yang kelihatan sebagai bangsawan dan berdarjat. Namun, di mata dan hati mereka, tanggungjawab dan kepentingan ramai menjadi keutamaan (Sinar Harian 2019).

Berdasarkan temu bual dengan Encik Azmi Osman (Bekas Ahli Jawatan Kuasa PAS Rompin, Setiausaha PAS Cawangan Bukit Ibam Muadzam Shah, Pahang), beliau menyatakan bahawa:

“Pada saya, politik bukan hanya di kawasan Rompin sahaja. Keadaan sekarang ini politik di seluruh Malaysia memang negatif, memang di seluruh Malaysia keadaan politik ini tiada yang positif sampai ke harini. Tiga perkara elemen dalam politik ini kehendak dia lain yang diucap lain tindakan dia. Jadi, rakyat rasanya boleh lihat memang takkan positif dan bersangka baik sampai bila-bila selagi mana adanya solusi. Dalam politik urus takbir bukan politik sahaja dalam pentadbiran. Kalau kita lebih berpegang kepada hukum syarak sebenarnya benda semua ini tidak akan timbul. Contohnya saya seorang majikan, ketua pengarah sebuah jabatan, pendidikan, tapi saya menjaga hukum hakam apabila saya memegang jawatan itu memang saya ini daripada orang yang tahu tentang halal haram tentang syarak ni saya tahu disitu saya rasa saya takdelah orang kata nak mencuba sesuatu peluang-peluang yang diluar daripada syarak. Sebagai contoh, dalam rumah tangga saya sebagai ayah kepada anak-anak kalau saya biar anak-anak tidak menutup aurat, ia memberikan kesan yang tidak baik. Begitu juga dengan negara, apabila saya menjadi ketua negara tetapi saya biarkan keadaan seperti tiada apa yang berlaku, macam itulah hasilnya, impaknya beginilah”.

(Encik Azmi Osman, 21 Mac 2022)

4.4 Percaya Terhadap Isu Politik di Kawasan Responden

Berdasarkan kepada analisis kajian mendapati 64 peratus responden tidak pasti dengan kepercayaan mereka terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah. Hal ini disebabkan kebanyakan isu yang sering diperkatakan tidak pasti sama ada isu tersebut benar ataupun tidak. Setiap isu yang berlaku perlu diselidik terlebih dahulu supaya informasi yang disampaikan betul dan tepat serta tidak berlaku sebarang masalah lain yang akan timbul. Selain itu, kepercayaan rakyat terhadap ahli politik semakin menurun dengan situasi semasa politik membuatkan kurangnya keyakinan rakyat kepada mereka. Terdapat segelintir ahli politik yang berjanji menawarkan bantuan, namun apabila kita sudah mendapatkan perkembangan tiada respon dari pihak mereka. Hal itu dapat mempengaruhi tanggapan rakyat untuk tidak percaya dengan ahli politik tersebut.

Namun begitu, terdapat juga responden iaitu sebanyak 22 peratus percaya terhadap isu politik di kawasan mereka. Sebilangan responden menyatakan mereka percaya isu yang berlaku melalui sumber yang boleh dipercayai seperti berita di televisyen, maklumat di media sosial yang boleh dipercayai iaitu di laman web berita rasmi Malaysia. Jadinya, mereka masih percaya isu yang berlaku adalah sah melalui maklumat yang dipaparkan di media sosial.

Berdasarkan temu bual dengan YB Ir. Razali Kassim (ADUN Muadzam Shah, Naik Ketua UMNO Bahagian Rompin, Pahang), beliau menyatakan bahawa:

“Apabila isu politik di kawasan sendiri, percaya atau tidak percaya perlu disiasat. Kita tidak boleh menerima berita tersebut bulat-bulat kemudian kalau benda itu betul kita cuba untuk

tanganinya. Kita ambil pendekatan yang penting segala isu yang ada itu kita ambilnya secara positif kemudian buat penilaian samada ia benar atau tidak benar. Kalau benar kita cuba tanganinya kalau tidak benar kita jawab dengan fakta”.

(YB Ir. Razali Kassim, 21 Mac 2022)

4.5 Faham Terhadap Isu Politik di Kawasan Responden

Berdasarkan analisis kajian mendapati hanya 32 peratus responden faham terhadap isu politik di kawasan mereka. Ini menunjukkan mereka faham dan mengambil berat tentang isu yang berlaku kerana mereka mahu kebajikan masyarakat di tempat pentadbiran kerajaan tempatan terpelihara oleh parti politik yang dipilih. Selain itu, terdapat responden yang menyatakan kefahaman mereka adalah kerana cenderung untuk meneliti, mengkaji serta mengambil tahu isu politik yang berlaku di kawasan mereka. Apabila seseorang itu faham dengan isu yang berlaku, mereka dapat menilai dan memahami isu tersebut samada isu itu boleh dipercayai ataupun tidak.

Selain itu, kajian juga mendapati 42 peratus responden tidak pasti dengan isu politik yang berlaku di kawasan mereka. Hal ini boleh dikatakan berpunca daripada kurangnya didikan awal dalam memahami ilmu politik. Terdapat segelintir responden menyatakan mereka kurang berminat untuk mengambil tahu dan memahami isu politik dengan lebih mendalam di kawasan tempat tinggal mereka kerana mereka beranggapan isu politik isu yang membosankan. Hal ini boleh memberi kesan dan impak keatas sikap dan perilaku masyarakat yang menganggap isu politik ini tidak penting. Ia boleh menyebabkan keadaan masyarakat sekarang menjadi semakin teruk dengan masalah sosial berpunca daripada sikap masing-masing yang tidak mahu bertanggungjawab dan mengambil berat dengan persekitaran mereka. Sebagai contoh, isu kanak-kanak yang terbiar, apabila masyarakat memandang ringan kes seperti ini akan menambahkan keburukan kepada negara. Ia berbalik kepada keadaan masyarakat sendiri yang sudah tidak mahu ambil peduli tentang akhlak dan sifat perikemanusiaan.

Berdasarkan temu bual dengan YB Ir. Razali Kassim (ADUN Muadzam Shah, Naik Ketua UMNO Bahagian Rompin, Pahang), beliau menyatakan bahawa: “Kefahaman bergantung kepada isu. Dari sudut politik ini orang buat isu politik ini ada pelbagai strategi sama ada isu itu saja diperbuat untuk menyerang kita ataupun isu itu memang cerita benar. Dan pada saya akan buat penilaian dan faham dahulu dan siasat, menilai dulu. Kemudian kita akan bincang dengan kawan-kawan untuk menilai isu itu sama ada benar atau tidak benar. Sebelum membuat keputusan atau tindakan saya akan bincang dengan beberapa orang, orang yang saya fikir boleh bagi pandangan yang baik”.

(YB Ir. Razali Kassim, 21 Mac 2022)

4.6 Faktor yang Mempengaruhi Persepsi Responden Mengenai Isu Politik

Berdasarkan analisis kajian mendapati faktor paling utama yang mempengaruhi persepsi responden mengenai isu politik adalah media dan sistem pendidikan iaitu sebanyak 38 dan 36 peratus. Ini kerana media merupakan salah satu medium terbesar dalam menyebarkan info dan maklumat mengenai isu politik semasa. Menurut Mohd Fuad et al. (2012), aplikasi ruang siber melalui penggunaan media alternatif seperti blog, laman web, forum siber, youtube, email, facebook, dan twitter telah memperluas ruang bersuara sekali gus meningkatkan partisipasi politik, mobilisasi sosial dan demokrasi. Sebelum ini, selain ceramah, rakyat banyak mendapat maklumat politik melalui media cetak seperti akhbar, majalah dan buku dan media elektronik khususnya radio dan televisyen. Namun kini, penggunaan internet

sebagai cara untuk mencari maklumat menjadi semakin penting. Internet berperanan sebagai ruang siber yang demokratik dan bebas.

Selain itu, sistem pendidikan turut mempengaruhi persepsi responden mengenai isu politik. Pendidikan merupakan satu instrumen penting dalam kehidupan masyarakat. Tanpanya, masyarakat tidak mungkin akan mencapai kemajuan seperti yang dinikmati pada hari ini. Namun, pendidikan yang berkualiti adalah sangat diperlukan bagi melahirkan modal insan yang bertaraf tinggi. Dalam usaha untuk melahirkan modal insan tersebut, pendidikan politik adalah salah satu cara untuk menjayakannya. Sudah sampai masanya Malaysia memperkenalkan pendidikan politik di peringkat sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi. Usaha itu berupaya meningkatkan kesedaran mengenai dinamika politik semasa dan menerapkan politik matang. Pendidikan politik sewajarnya perlu diterap dari awal kepada generasi muda khususnya berkaitan pengertian politik secara lebih meluas, etika dan tatacara politik matang serta menganalisis isu semasa agar wujud rakyat celik atau literasi politik (Sinar Harian 2019). Oleh itu, sistem pendidikan sangatlah mempengaruhi masyarakat terutamanya golongan belia mengenai isu politik.

Seterusnya, analisis kajian mendapati faktor paling rendah dalam mempengaruhi persepsi responden adalah minat iaitu 6 peratus sahaja. Hal ini jelas membuktikan bahawa rakyat terutamanya golongan belia kurang berminat untuk mengambil tahu isu politik semasa. Hal ini disebabkan kurangnya ilmu politik yang sepatutnya didedahkan dan diterapkan dari awal persekolahan lagi. Tiga pilihan raya negeri yang diadakan sebelum ini jelas menunjukkan penurunan minat rakyat untuk mengundi bagi menentukan masa depan politik negeri. Menurut tiga punca utama menyebabkan masalah itu iaitu krisis politik, fenomena lompat parti dan ancaman kesihatan serta ekonomi. Berdasarkan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Sarawak dan Johor, bersandarkan kepada peratusan mengundi, ada penurunan minat untuk mereka mengundi, atau terbabit dalam menentukan masa depan politik di negeri (Astroawani 2022). Oleh itu, sistem pendidikan di Malaysia perlu menerapkan pendidikan politik kepada semua sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi agar pelajar dapat didedahkan dengan lebih awal kepentingan politik ini.

4.7 Pandangan Pengundi Terhadap Isu Politik Memberi Kesan Kepada Pilihan Politik Mereka

Berdasarkan analisis kajian, didapati bahawa 80 peratus responden menyatakan pandangan pengundi terhadap isu politik memberi kesan kepada pilihan politik mereka. Jika dilihat apabila isu politik tersebut berjaya diselesaikan oleh seseorang pemimpin, boleh memberi persepsi kepada pengundi untuk lebih memilih parti yang mana lebih banyak mengambil tindakan berbanding ucapan semata-mata. Ini menunjukkan bahawa pandangan bagi setiap responden berbeza-beza mengikut tindakan yang dilakukan oleh parti politik tersebut. Oleh itu, jelas membuktikan bahawa rakyat kini mula sedar akan kuasa dan hak mereka terhadap penentuan kepada tampuk pemerintahan yang mampu mendengar keluhan rakyat dan mentadbir sesebuah kerajaan mengikut kesesuaian bagi memenuhi keperluan rakyat.

Sejak PRU yang lalu boleh dikatakan bahawa hampir kesemua rakyat inginkan perubahan terutamanya bagi pembaharuan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran negara. Apabila sesebuah parti tersebut mampu membawa perubahan yang baharu terhadap kawasan itu, maka ia mampu mengubah pandangan pengundi terhadap isu politik yang akan memberi kesan kepada pilihan politik mereka. Selain itu, apabila terlalu banyak isu berlaku dalam sesebuah parti politik rakyat akan mula hilang kepercayaan untuk memilih dan mengundi mereka sebagai pemimpin. Hal ini kerana pandangan seseorang biasanya mengikut kepada perkara yang berlaku di kawasan mereka. Jika tiada apa-apa yang dilakukan oleh politik di kawasan ini maka boleh mengubah pilihan parti politik mereka.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebanyak 14 peratus responden tidak pasti bahawa pandangan pengundi terhadap isu politik memberi kesan kepada pilihan politik mereka. Hal ini menunjukkan mereka tiada langsung pengetahuan dan masih keliru dengan politik yang berlaku di kawasan mereka. Di samping itu, dapatan kajian mendapati sebanyak 6 peratus responden tidak memberi kesan bahawa pandangan pengundi terhadap isu politik memberi kesan kepada pilihan politik mereka. Hal ini membuktikan bahawa responden tersebut tidak kisah dan tidak berminat untuk mengambil tahu isu politik yang berlaku di negara ini. Mereka beranggapan isu politik hanyalah sekadar isu yang tidak penting. Mereka tidak kisah apa yang akan berlaku di sekeliling mereka. Apabila musim PRU tiba mereka sekadar datang untuk mengundi mana-mana parti politik yang mereka mahu.

Berdasarkan temu bual dengan YB Ir. Razali Kassim (ADUN Muadzam Shah, Naik Ketua UMNO Bahagian Rompin, Pahang), beliau menyatakan bahawa: “Ya benar. Mereka ada pandangan masing-masing dan sudah pastilah pandangan mereka itu akan mempengaruhi pendirian atau keputusan mereka sendiri tidak dinafikan. Cuma pada saya sebagai orang politik mesti selalu mencuba untuk mengatasi secepat mungkin dan semampu yang boleh menyelesaikan masalah betul atau tidak betul. Tetapi kalau mereka tetap juga dengan pendirian mereka, kita tidak boleh buat apalah”.

(YB Ir. Razali Kassim 21 Mac 2022)

Berdasarkan temu bual dengan Encik Azmi Osman (Bekas Ahli Jawatan Kuasa PAS Rompin, Setiausaha PAS Cawangan Bukit Ibam Muadzam Shah, Pahang), beliau menyatakan bahawa:

“Pengundi Melayu yang berumur 40 keatas itu kebiasannya mereka lebih kepada budi, jasa kerajaan telah berbudi kepada mereka sebagai contoh, pihak kerajaan memberikan bantuan biasiswa, sumbangan. Jadinya, masyarakat akan memilih atas dasar budi. Masyarakat lebih memilih parti yang memberi banyak manfaat kepada mereka”.

(Encik Azmi Osman, 21 Mac 2022)

5. Rumusan dan Cadangan

Secara kesimpulannya, politik merupakan suatu bidang ilmu yang amat sukar untuk dikaji kerana persepsi pengundi sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran semasa. Pemimpin dan parti politik perlu sedar akan ‘kuasa rakyat’ yang boleh mengubah keadaan politik mengikut kehendak dan keperluan mereka dalam sekelip mata. Walaupun pemimpin mahupun parti politik boleh melakukan pelbagai strategi menerusi kempen dan tawaran manifesto bagi meraih hati pengundi namun begitu gelombang kuasa rakyat sememangnya tidak dapat dibendung. Pemimpin yang diundi dalam suatu pilihan raya perlu menjalankan tanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam menguruskan sesuatu kawasan dengan lebih cekap dan sistematik supaya setiap aktiviti yang dijalankan mampu memberi impak yang terbaik. Malah, setiap masyarakat perlu mengambil berat terhadap isu politik yang berlaku dari masa ke semasa supaya tidak berlakunya perbalahan antara satu sama lain pada masa yang akan datang. Justeru itu, pengurusan persepsi adalah sangat penting bagi memastikan pengundi faham dengan isu semasa dan dasar pemerintahan negara yang dibuat. Tujuannya adalah supaya masyarakat dapat menilai dengan betul pemimpin yang terbaik yang dapat mentadbir sesebuah negara bagi memastikan keamanan negara dan masyarakat terjamin. Oleh itu, semua pihak mestilah menerima secara terbuka dengan apa jua keputusan yang diperolehi serta menghormati kehendak dan pilihan rakyat. Hal ini demikian kerana sebagai sebuah negara berdemokrasi, rakyat merupakan penentu pemerintahan negara. Apa yang paling penting diharapkan kajian ini dapat membantu para pengkaji untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, menambahkan data tambahan di samping dapat dijadikan sebagai panduan serta rujukan kepada pihak berkaitan.

Rujukan

- Ahmad Atory Hussain. (2010). *YB oh YB: Antara Peranan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Astroawani*. (2022). Ini tiga punca utama kenapa rakyat tidak minat untuk mengundi. <https://www.astroawani.com/berita-politik/ini-tiga-punca-utama-kenapa-rakyat-tidak-minat-untuk-mengundi-360496> [14 Jun 2022].
- Bharian. (2019). Rasuah di Malaysia pada tahap serius. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/01/525880/rasuah-di-malaysia-pada-tahap-serius> [14 Jun 2022].
- Encik Azmi Osman (Bekas Ahli Jawatan Kuasa PAS kawasan Rompin, Setiausaha PAS Cawangan Bukit Ibam Muadzam Shah, Pahang). (2022). Persepsi pengundi terhadap isu politik di Kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. Temu bual. 21 Mac.
- Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Mohd Yaakop, (2000). Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, Laporan Projek Penyelidikan, Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: tidak diterbitkan: 1-32.
- HMetro*. (2018). Kesedaran berpolitik masih rendah. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/04/333123/kesedaran-berpolitik-masih-rendah> [14 Jun 2022].
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 7: 136-156.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2017). Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 8(2): 67-76.
- Mohd Salleh Lebar (1995). *Asas Perkembangan Psikologi*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di Negeri Johor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 8(6): 76-89.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2021). Realiti politik pilihan raya di Pahang dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 229-254. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurerna Aida Abdul Rahman & Hasmidar Hassan. (2015). Analisis Laporan Akhbar Isu 1MDB dari Sudut Pragmatik. Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ranney, A. (1993). *Governing*, (Sixth Edition), New Jersey: Prentice-Hall International: 159-160.
- Sinar Harian. (2019). Pendidikan politik mesti diwujudkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/57609/KOLUMNIS/Pendidikan-politik-mesti-diwujudkan> [14 Jun 2022].
- Sinar Harian. (2019a). Pendidikan politik mesti diwujudkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/52312/KOLUMNIS/Bersangka-baik-dalam-politik> [14 Jun 2022].
- Slomczynski, K. & Shabad, G. (2012). Perceptions of political party corruption and voting behaviour in Poland. *Party Politics* 18(6): 897-917.

YB Ir. Razali Kassim. (ADUN Muadzam Shah, Naib Ketua UMNO Bahagian Rompin, Pahang). (2022). Persepsi pengundi terhadap isu politik di Kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. Temu bual. 21 Mac.